

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 9, 2019 1:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Jamu Pelajar Berbuka Puasa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 MEI 2019 / 4 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

UUM JAMU PELAJAR BERBUKA PUASA



UUM ONLINE: Setiap kali tibanya Ramadan yang mulia, UUM sentiasa prihatin terhadap pelajar dengan mengadakan majlis berbuka puasa sebagai tanda sayang dan peduli terhadap mahasiswa.

Menurut Penyelaras Majlis Berbuka Puasa Masjid Sultan Badlishah, Ustaz Aus Korni Yahya, UUM sentiasa menjalankan tanggungjawab sosial terhadap warga kampus dengan mewujudkan pelbagai aktiviti untuk menyantuni pelajar.

"Bulan Ramadan bukan Allah nak bagi kita lapar sebaliknya menjadi insan baru melalui amalan yang digandakan pahala jadi hidupkan jiwa kita dengan keberkatan bulan ini dan memahami konsep ibadah puasa," katanya.

Ujarnya, Ramadan merupakan institusi, universiti atau sekolah yang mengajar kita menjadi insan pemurah lalu kebaikan itu kembali kepada kita.

"Pemurah bukan hanya pada orang kaya tetapi Allah membuka seluas-luasnya kepada semua dan untuk jadi pemurah tidak semestinya duit tetapi apa saja pemberian yang boleh memberi manfaat kepada orang lain.

“Misalnya menjamu orang berbuka puasa juga dikira sedekah kerana kata Nabi barangsiapa yang bagi makan kepada orang berbuka puasa maka dia mendapat pahala seperti mana orang itu berpuasa malah perbuatan dan percakapan yang baik juga dikira satu sedekah,” tambahnya.

Tambahnya, majlis yang dianjurkan oleh Pusat Islam ini dibantu 90 sukarelawan yang terdiri di kalangan Sahabat Masjid dan para pelajar yang mengembleng tenaga mengikut tugas yang diagihkan.

“Pusat Islam telah melancarkan Tabung Ramadan beberapa bulan yang lalu sebelum menjelangnya Ramadan dan usaha ini dilaksanakan setiap tahun hasil sumbangan yang dihulurkan oleh warga kampus dan orang ramai.

“Setinggi-tinggi terima kasih kepada orang ramai yang bermurah hati sudi menyumbang duit dalam merealisasikan majlis ini sebagai tanda membuktikan keprihatinan warga UUM terhadap golongan pelajar demi membantu meringankan beban mereka,” luahnya.

Jelasnya, Islam agama yang hebat kerana menyatukan umat walaupun berlainan bangsa, bahasa dan budaya tetapi mempunyai satu titik persamaan selain turut menyantuni penganut agama lain.

“Kita sentiasa terbuka menerima sesiapa sahaja dan majlis ini turut dikunjungi pelajar bukan Islam dari pelbagai negara yang mahu melihat sendiri dan merasai suasana Ramadan malah ada diantara mereka yang turut sama bersahur dan berpuasa seperti kita,” katanya.

Menurutnya, Ramadan mengajak umat Islam termasuk mahasiswa mengimarahkan masjid dengan melakukan amalan mulia.

“Setiap malam masjid ini meriah dengan kehadiran lebih 500 pelajar yang meluangkan masa melakukan aktiviti seperti perbincangan dan menyiapkan tugas kuliah sambil menunggu waktu berbuka beramai-ramai bersama rakan-rakan dan masyarakat sekitar.

“Jadi, kita berusaha bangunkan potensi mereka dengan sembahyang berjemaah di masjid, membaca ayat suci Al-Quran, bertadarus dan berzikir untuk membentuk insan yang cemerlang di dunia dan akhirat,” luahnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.